

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI,
DATUK HUSSEIN ONN, DI UPACARA
PELANCARAN KAPAL HYDROGRAFI
TENTERA LAUT DI RAJA MALAYSIA
DI LIMBUNGAN HONG-LEONG LURSSSEN
DI PRAI, PADA 13HB NOVEMBER, 1976
JAM 3.00 PETANG

- 1. YAB Ketua Menteri Pulau Pinang dan Puan Lim,
- 2. Yang Berbahagia Laksamana Muda Datuk Thanabalasingam, Ketua Turus Tentera Laut,
- 3. Yang Berbahagia Setiausaha Kerja Pernas Securities,
- 4. Pengurus Besar Hong Leong Lurssen Bhd.,
- 5. Def-Def terhormat,
- 6. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya dan isteri saya, menucapkan ribuan terimakasih kepada Syarikat Hong Leong Lurssen Sdn. Bhd., kerana menjemput kami ke upacara pelancaran kapal hidrografi Tentera Laut Di Raja Malaysia.

2. Upacara yang di saksikan ini, sememangnya ialah satu saat yang bersejarah, bukan sahaja bagi Limbungan ini, tetapi juga bagi Tentera Laut Di Raja Malaysia. Inilah kali pertama dalam sejarah negara kita, sebuah kapal yang beratnya lebih kurang 1,900 ton dibina di Malaysia untuk Tentera Laut Di Raja kita. Ini membuktikan satu kemajuan dalam bidang pembinaan kapal, dan pengalaman yang diperolehi, akan meningkatkan lagi mutu pembinaaan kapal-kapal yang dibina di Limbungan ini, khasnya kapal-kapal Tentera Laut Di Raja Malaysia, pada masa hadapan.

3. Setelah siap pembinaannya, dan setelah menjalani ujian-ujian yang berjaya, kapal baru ini akan diserahkan kepada Tentera Laut Di Raja Malaysia dalam bulan Oktober, 1977, untuk menjalankan tugas sepenuhnya.

4. Kerajaan telah meletakkan tanggungjawab menjalankan kerja-kerja kajian hydrografic dan oceanografic kepada TLDM, kerana ianya merupakan pihak yang layak, dan yang mempunyai kemampuan melaksanakan tugas-tugas ini dengan sempurna. Sebuah cawangan yang telah ditubuhkan dalam TLDM, khusus mengendalikan tugas dan peranan ini, telahpun mengeluarkan hasil-hasil yang memuaskan dan berkesan. KD PERANTAU, satu-satunya kapal

ukur yang ada pada masa ini, tidak mencukupi untuk menjalankan kerja-kerja kajian hydrografic dan oceanografic yang semakin bertambah. Oleh itu, Kerajaan telah meluluskan pembinaan kapal baru ini, untuk membantu usaha-usaha KD PERANTAU dalam kerja-kerja praktikal kajian hydrografic dan oceanografic.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

5. Seperti yang termaklum, Malaysia mempunyai pantai yang luas, yang melebihi 3,000 batu nautika, dan kawasan-kawasan perairan yang luas di sekitarnya, memerlukan pengukuran yang kerap untuk *me-ngemas-kini-kan* mengemaskinikan cara-cara mendapatkan segala

jenis data yang diperlukan oleh penyelidik-penyelidik. Hasil kajian itu dapat pula melengkapkan maklumat-maklumat, untuk memandu-
arah pelayaran segala jenis kapal dengan selamat.

6. Saya percaya, apabila kapal hydrografi ini mula menjalankan tugasnya, ia akan menjadi unsur utama, dari mana maklumat dan data yang berguna itu, boleh didapatkan untuk dianalisa, yang kemudiannya dapat digunakan oleh berbagai-bagai Kementerian dan Jabatan Kerajaan dan lain-lain agensi di negara ini.

7. Sesungguhnya, kerja-kerja kajian hydrographic dan oceanographic merupakan tugas tambahan penting bagi TLDM, di samping peranan utamanya, bersama-sama dengan angkatan tentera darat dan angkatan tentera udara, dalam pertahanan dan keselamatan negara.

8. Tugas-tugasnya yang lain termasuklah memberi perlindungan kepada nelayan-nelayan dari sebarang ancaman lanun, mengawasi penyeludupan dan menjalankan gerakan-gerakan penyelamat dilaut.

..7/-

8. Tugas tambahan yang baru adalah amat penting, kerana selain dari mendapat data dan statistik untuk kegunaan penyelidik-penyelidik dan pihak-pihak yang memerlukannya, kerja-kerja kajian hydrographic dan oceanographic amatlah mustahak bagi menjamin keselamatan pelayaran bagi semua jenis kapal di perairan kita, khususnya di Selat Melaka.

Pandu-arrah

kemas-kini

9. Panduarah pelayaran yang kemaskini, adalah perlu bagi mengelakkan pelanggaran kapal di perairan kita, terutamanya bagi kapal-kapal pengangkut minyak. Kemalangan kerap berlaku dalam beberapa tahun ini di perairan Selat Melaka, yang mengakibatkan pencemaran laut, serta menjejaskan sebanyak sedikit mata pencarian nelayan-nelayan kita.

10. Dalam hubungan ini, saya sukalah mengucapkan penghargaan kepada TLDM atas kejayaannya mengendali gerakan pembersihan kecemaran ini. Tindakan cekap dan cepat TLDM dalam mencegah merebaknya kecemaran ini, telah mengurangkan kesan-kesan burok terhadap penghidupan laut dan mata pencarian nelayan-nelayan kita.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Berbalik kepada Limbongan Kapal, pada hemat saya, pengalaman dan kemahiran kita dalam bidang pembinaan kapal bolehlah dibanggakan. Limbongan Timor di Kuala Trengganu, hasil dari dayausaha Allahyarham Ayahenda saya, sebagai pusat latihan Rida dalam tahun 1953, telah berjaya membina kapal-

kapal kecil penangkap ikan, kapal kecil untuk
Polis Laut, Jabatan Perikanan dan Jabatan Kastam.
Sekarang ini, Limbongan ini yang dahulunya di
panggil Limbongan Kapal MARA, sedang membina empat
buah kapal penangkap ikan pukut tunda untuk negara
Maghribi (Morocco). Saya penuh yakin, pekerja-
pekerja di Limbongan Timor ini, yang sekarang ini
telahpun memperolehi kemahiran mendalam dalam
bidang pembinaan kapal-kapal kecil ini, boleh
meluaskan pengalaman dan pengetahuan dalam
pembinaan kapal jenis berat pula, jika mereka itu
diberi peluang.

12. Saya harap Limbongan Kapal Hong Leong Lurssen dan Limbongan Kapal MSE di Johor Bahru, akan memberi kesempatan dan peluang kepada kaum Bumiputra menyertai dalam bidang pembinaan kapal-kapal jenis berat dan sederhana, serta dalam bidang mbaiki kapal-kapal lain.

13. Dengan jalan ini, kita dapat menambahkan lagi bilangan pekerja-pekerja mahir dalam bidang pembinaan kapal, yang boleh mencerminkan penduduk berbilang kaum di negara ini.

..11/-

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

14. Kerajaan akan terus berusaha, untuk menambah bilangan tenaga rakyat yang terlatih, dalam semua peringkat dan lapisan pekerja, bagi menampung keperluan negara. Rancangan-rancangan pelajaran dan latihan kemahiran, sedang dilaksanakan oleh beberapa Jabatan Kerajaan dan agensi-agensi tertentu, bagi mencapai matalamat ini. Walau bagaimanapun, bilangan tenaga rakyat mahir yang diperlukan, tidaklah dapat diadakan dengan serta merta, kerana usaha memajukan sumber tenaga manusia mengambil masa yang panjang, terutama bagi pekerjaan-pekerjaan di peringkat tinggi dan kemahiran.

15. Saya berharap pihak swasta dapat memberi sokongan dan bantuan sewajarnya kepada Kerajaan, bagi mencapai matalamat menambahkan bilangan tenaga rakyat yang terlatih, khasnya di kalangan kaum Bumiputra. Satu daripada caranya ialah, bagi syarikat-syarikat dan pertubuhan-pertubuhan swasta yang kukuh dan besar, mengadakan rancangan latihan sambil bekerja, menggunakan kemudahan-kemudahan yang tersedia dalam pertubuhan-pertubuhan mereka sendiri.

16. Saya diberitahu bahawa limbungan ini, telah mengambil ramai juga bekas-bekas anggota Tentera Laut Di Raja Malaysia sebagai pekerja. Langkah ini amatlah menggalakkan, kerana sudah sewajarnya adalah peluang seperti ini diberi kepada bekas-bekas perajurit kita, terutama mereka yang mempunyai pengetahuan dalam bidang ini. Kerajaan berharap agar lebih ramai lagi bekas-bekas perajurit dapat diambil bekerja dalam limbungan ini, serta firma-firma, swasta dan lain-lain pertubuhan, supaya pengalaman dan pengetahuan mereka di masa lepas, akan dapat dipergunakan dengan sepenuhnya. Inilah satu cara bagi kita membalas jasa dan khidmat bakti, yang telah mereka curahkan kepada bangsa dan negara.

17. Saya harap Limbungan Hong Leong Lurssen dan lain-lain limbungan di negara ini, akan dapat diperbesarkan, serta ditinggikan lagi ^{mutu} ~~mutu~~ kepakaran pekerja-pekerja mereka, semoga pada suatu masa yang tidak jauh, Malaysia akan terkenal di rantau ini atas kebolehannya dalam pembinaan kapal yang bermutu tinggi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

18. Saya ingin mengambil kesempatan ini, memberikan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Laksamana Muda Datuk Thanabalasingam, atas khidmat cemerlang dan jasanya membina dan memimpin Angkatan Laut Di Raja Malaysia, kepada peringkat yang ada sekarang ini. Kemajuan besar yang dicapai oleh TLDM sangatlah membanggakan, dan kejayaan ini merupakan hasil pempinan Datuk Thanabalasingam. Saya penuh yakin

beliau akan terus memberikan khidmat baiknya, sekalipun beliau akan bersara dari perkhidmatan aktif tentera laut, pada akhir tahun ini.

19. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terimakasih kepada Syarikat Hong Leong Lurssen Sdn. Bhd. kerana sudi menjemput saya dan isteri saya ke upacara yang penuh bersejarah ini, dan seterusnya memberi penghormatan kepada isteri saya meresmikan pelancaran kapal hydrografi TLDM ini.

20. Saya dan isteri saya juga ingin menyampaikan penghargaan dan terimakasih kami kepada Tentera Laut Di Raja Malaysia.

Terimakasih.



**PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI**



JUL 1978



No. Siri 225
No. penerimaan 32/78